



PENUNTUT Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan menyertai program menanam pokok bakau di Hutan Simpan Paya Bakau Cherating, Kuantan.

90 ahli KETEMA tanam 2,000 bakau

KUANTAN: Seramai 90 ahli Kelab Teknologi Makanan (KETEMA) Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) Semambu, di sini menanam lebih 2,000 pokok bakau di pesisir muara Sungai Cherating, dekat sini bagi membantu mengelak hakisan, baru-baru ini.

Program bertemakan 'Bersatu Padu Mengekalkan Kehijauan Alam Sekitar' dan julung kali diadakan itu mendapat kerjasama Pejabat Perhutanan Daerah Kuantan yang menyediakan benih pokok berkenaan, selain turut membantu menyediakan tapak tanaman.

Pengarah program, Norni Syafiq Salim, 20, berkata ia juga bertujuan memberi kesedaran kepada peserta terhadap pentingnya pokok bakau dalam mengelakkan hakisan.

Katanya, pokok berkenaan mampu mengawal hakisan di pesisiran pantai, termasuk muara sungai yang sering menghadapi ancaman fenomena berkenaan.

"Usaha memelihara alam sekitar, terutama membabitkan aktiviti menanam pokok menjadi tanggungjawab bersama dan bukan hanya dipikul pihak tertentu," katanya selepas program berkenaan.

Turut hadir, Penolong Pegawai Jabatan Perhutanan Daerah Kuantan, Norlela Subari.

Norni yang menuntut dalam jurusan Teknologi Makanan berkata, pihaknya juga bercadang mengadakan lebih banyak program berkaitan alam sekitar, terutama aktiviti menanam pokok dan gotong-royong membersihkan hutan

lipur di negeri ini.

Peserta, Nurhidayah Mohamad, 23 berkata, kali pertama menyertai program menanam pokok bakau memberi pengalaman menarik, terutama ketika meredah kawasan berselut.

"Buah bakau dicucuk dalam pasir mengikut jarak ditetapkan dan dalam tempoh satu hingga dua bulan pokok berkenaan akan membesar," katanya.

Mohd Nazrul Ilham Sobri, 24, berkata mereka juga berpeluang mengenali lebih dekat pokok bakau menerusi aktiviti masuk hutan dan ujian.

"Kakitangan jabatan memberi penerangan mengenai pokok bakau yang hidup subur di tepi sungai dan menjadi penghalang kepada hakisan dan angin kencang," katanya.